

DAP gesa kerajaan tubuhkan RCI 13 Mei
Malaysian Insider
Aug 27 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Empat hari menjelang sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-56, DAP menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung kejadian rusuhan kaum 13 Mei 1969 dalam mesyuarat Kabinet esok.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang (gambar), berkata filem Tanda Putera mendapat pembiayaan kerajaan bagi menerbitkan filem sejarah berlatarbelakangkan peristiwa 13 Mei namun gambaran tidak tepat mampu mencetuskan ketegangan kaum.

Beliau berkata, Tanda Putera seharusnya dijadikan medan menyampaikan kebenaran dengan memaparkan peristiwa sebenar 13 Mei 1969 namun filem berkenaan memberi gambaran tidak tepat menyebabkan generasi muda terkeliru apa sebenarnya yang berlaku semasa peristiwa berdarah itu.

"Datin Paduka Shuhaimi Baba tidak seharusnya menjadikan Tanda Putera sebagai sebuah filem pontianak yang pernah diarahkannya dahulu dengan memberi gambaran tidak tepat berhubung rusuhan kaum berkenaan kepada generasi muda.

"Pengaruh mesti menyenaraikan babak cereka atau peristiwa yang tidak tepat berhubung kejadian 13 Mei dalam filemnya supaya tidak terus menyelewengkan kebenaran peristiwa 13 Mei.

"Perakuan ini penting kerana Shuhaimi mengakui Tanda Putera sebagai sebuah filem fiksyen yang berlatarbelakangkan peristiwa 13 Mei," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lim berkata, berdasarkan pandangan penonton yang menonton filem berkenaan, mereka mendapati filem berkenaan terdapat unsur cereka atau kejadian tidak benar mengenai 13 Mei yang boleh memberi kecelaruan dalam masyarakat dan menyemarakkan api kebencian antara kaum.

Katanya, berdasarkan pandangan mereka yang menonton filem itu, beberapa babak rekaan dikenal pasti antaranya beberapa pemuda kencing di tiang bendera di laman rumah bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Idris Harun dan babak kekecohan di pawagam yang meminta kaum Cina meninggalkan tempat itu.

Sebelum ini Shuhaimi mengatakan Tanda Putera adalah sebuah filem cereka dan bukannya filem dokumentari sejarah.

Beliau menjelaskan semua pihak harus faham filemnya itu adalah satu interpretasi yang diperoleh daripada pelbagai pandangan.

"Saya sudah sunting sedikit adegan (kencing di tiang bendera). Ada perkataan yang saya keluarkan. Adegan itu dilakonkan atas pandangan mereka yang berada di tempat kejadian.

"Sukar bagi saya untuk membuang babak yang dikatakan sensitif dalam filem itu. Jika mahu ikut pendapat semua pihak maka 20 minit pertama banyak memaparkan insiden 13 Mei sudah tiada. Maka saya harus pertahankan karya saya," katanya.

Shuhaimi berkata, pandangan pihak pembangkang yang terasa berhubung adegan berkenaan adalah satu gimik politik.

"Insiden itu memang berlaku tetapi tiada pihak yang dapat pastikan siapa individu berkenaan," katanya. – 27 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-kerajaan-tubuhkan-rci-13-mei>